

Umat Islam perlu ketepi perbezaan ideologi politik

Bangi: Umat Islam di Malaysia perlu mengetepikan perbezaan fahaman dan ideologi politik jika mereka serius mahu mengatasi masalah keganasan persepsi dalam kalangan rakyat di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata masyarakat bukan Islam di Malaysia juga perlu mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, manakala penganut agama lain bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing.

Oleh itu, Jamil Khir berkata cabaran Malaysia untuk menangani isu keganasan persepsi sekarang bergantung kepada semua parti politik di seluruh negara.

Berpolitik menjelang pilihan raya

"Ini perlu kerana jika di negara lain mereka hanya berpolitik menjelang pilihan raya, namun di Malaysia pemimpin dan parti politik sentiasa berkempen dan berceramah 24 jam, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun tanpa mengira waktu termasuk dalam bentuk tulisan media baharu.

"Apabila terlalu banyak garapan masuk maka ia akan membina persepsi yang mengancam asas perpaduan masyarakat yang mahu kita bina," katanya pada forum Bicara Persada bertajuk Keganasan Persepsi: Ancaman Terhadap Ummah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Jamil Khir berkata umat Islam juga perlu meneliti kesahihan setiap berita atau cerita yang mereka dengar sebelum menyebarkannya kepada pihak lain menerusi pelbagai kemudahan media baharu seperti WhatsApp atau Facebook.

Salah guna internet gugat keselamatan negara



Nasharuddin (kiri) bersama Jamil dan Khairuddin pada forum **Bicara Persada bertajuk 'Keganasan Persepsi: Ancaman Terhadap Ummah'** di UKM, Bangi, semalam.

» Fitnah berleluasa punca perpecahan ummah

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Bangi

Keganasan persepsi atau penyalahgunaan internet dan media sosial yang dilakukan untuk pembunuhan karakter ber-

landaskan kepentingan politik seseorang atau sesuatu organisasi adalah cabaran paling besar dihadapi negara.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, berkata keganasan persepsi itu bertujuan menimbulkan fitnah, emosi, provokasi, menghasut, jelik, sentimen yang keterlaluan dan penuh emosi, terkeluar dari ruang lingkup yang waras dan rasional.

Katanya, keadaan itu menimbulkan salah faham, syak wasangka dan pergeseran sehingga boleh membawa kepada perpecahan ummah, seterusnya menggugat kestabilan

dan keselamatan negara.

"Kita seharusnya menerima hakikat bahawa kebanyakan daripada keganasan persepsi yang berlaku ketika ini dilakukan melalui pembunuhan karakter yang berlandaskan kepentingan politik seseorang atau sesuatu organisasi.

"Penularan gejala pembunuhan karakter ini boleh mencetuskan keadaan panik dan huru-hara kerana ia menjejaskan keyakinan terhadap seseorang individu.

"Situasi seperti ini tetap berlaku walaupun banyak pencerahan dibuat kerana masyarakat lebih cenderung percaya apa yang tersebar secara meluas di laman media sosial.

Masyarakat percaya sesuatu yang viral seharusnya benar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bicara Persada bertajuk 'Keganasan Persepsi: Ancaman Terhadap Ummah' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Rakyat keliru

Antara ahli panel forum berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Penerangan Dewan Ulama PAS Pusat, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri; Setiausaha Majlis Perundingan Melayu, Datuk Dr Hassan Mad; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof Datuk Dr Noor Aziah Mohd Awal serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global, Nasharuddin Mat Isa selaku moderator.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, pengaruh keganasan persepsi menyebabkan rakyat keliru apabila menterjemahkan hak kebebasan demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan bersuara.

Dalam situasi seperti itu, katanya, pemikiran rasional tanpa sekatan atau had diutamakan kerana mereka tidak memikirkan mengenai tanggungjawab terhadap hubungan seseorang individu kepada masyarakat dan negara.